

## Q Apakah pekerja dan pemilik ladang babi boleh lakukan?

A Selepas mengendalikan haiwan, tangan mestilah dibasuh dan elakkan menyentuh haiwan yang menunjukkan tanda klinikal. Sekiranya anda atau ahli keluarga sakit dan menunjukkan simptom selesema, beritahu doktor bahawa anda telah terdedah kepada babi. Calitan nasal atau tekak diperlukan untuk menentukan sama ada anda mungkin dijangkiti virus selesema babi.

Sekiranya terdapat tanda-tanda klinikal pada babi di ladang anda, asingkan babi ini dan laporkan kepada Jabatan Perkhidmatan Veterinar yang berdekatan.

- ✘ Pakai pakaian yang boleh melindungi diri seperti sarung tangan dan kasut *boot*.
- ✘ Mandi selepas bekerja dalam ladang babi.
- ✘ Hanya pekerja yang telah ditugaskan dan kenderaan tertentu sahaja dibenarkan memasuki kawasan ladang babi.
- ✘ Laporkan kepada hospital yang terdekat jikalau ada pekerja ladang yang jatuh sakit.



Mencegah  
adalah  
lebih baik  
daripada  
mengubati

Bagi sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi:




### Jabatan Perkhidmatan Veterinar

Wisma Tani, Aras 5,  
Podium Block 1A, Lot 4G1, Presint 4  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62630 Putrajaya, Malaysia.  
Tel : (603)-88702000 Fax : (603)-88886472  
Bilik Gerakan Tel : (603)-88702041  
Bilik Gerakan Fax : (603)-88702061

atau

Jabatan Perkhidmatan Veterinar  
yang berhampiran.


# SELESEMA BABI



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

## Pengenalan Penyakit

Penyakit Selesema Babi adalah penyakit ternakan babi yang disebabkan oleh jangkitan virus *Influenza*. Penyakit ini melibatkan sistem pernafasan babi dan boleh memberi kesan yang buruk kepada pengeluaran dan ekonomi industri babi. Oleh sebab itu jangkitannya perlu dikawal dan dibasmi. Jangkitan Selesema Babi adalah tinggi di dalam kelompok babi tetapi kadar kematian tidak tinggi dan penyakit ini biasanya berlaku dalam jangka masa seminggu. Kajian telah menunjukkan bahawa 25% babi di Malaysia mempunyai antibodi terhadap Selesema Babi dan pernah dijangkiti penyakit tersebut. Penyakit ini juga ada kemungkinan menjangkiti manusia yang mana menyebabkan demam, selsema, batuk, sakit tekak, radang mata dan tubuh badan yang lemah.



## Tanda-tanda Klinikal Selesema Babi

- Demam
- Batuk
- Cecair keluar daripada hidung/mata
- Bersin
- Kesukaran bernafas
- Keguguran anak
- Tiada selera makan
- Tiada simpton sakit



## Soal Jawab Berkenaan Selesema Babi

**Q** Bagaimanakah jangkitan Selesema Babi merebak?

**A** Biasanya virus Selesema Babi merebak melalui sentuhan dan udara di kalangan babi dan melalui sentuhan di kalangan babi dan melalui pergerakan babi yang terjangkit.

**Q** Bolehkah Selesema Babi dihindari?

**A** Jangkitan Selesema Babi boleh dihindari dengan:

- ✗ Langkah-langkah biosekuriti yang baik.
- ✗ Menggalakkan amalan "hygiene" yang baik dalam ladang.
- ✗ Menggunakan sistem ventilasi yang betul.

**Q** Bagaimana pula dengan vaksin Selesema Babi?

**A** Vaksin Selesema Babi boleh membantu tetapi tidak berkesan sepenuhnya. Ini adalah kerana terdapat beberapa *strain* virus Selesema Babi dan vaksin tersebut mungkin tidak boleh melindungi kesemua *strain*.

**Q** Bolehkah manusia dijangkiti Selesema Babi dengan memakan daging babi?

**A** Tiada bukti yang menunjukkan bahawa Selesema Babi boleh disebarkan melalui makanan. Memakan daging babi serta produk babi adalah selamat. Memasak daging dan produk babi pada suhu yang tinggi membunuh bakteria dan virus.

